The Borneo Post: 04 November 2026

Lakukan amang seksual fizikal, remaja lelaki diarah ke Sekolah Henry Gurney

KUCHING: Seorang remaja lelaki diarah untuk dihantar ke Sekolah Henry Gurney selama tiga tahun oleh Mahkamah Majistret semalam kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap kenalan perempuan berusia 15 tahun di sebuah perhentian bas di Jalan FAC Matang di sini.

Majistret Ling Hui Chuan mengarahkan ibu tertuduh agar melawat anaknya yang berusia 16 tahun itu sekali setiap dua bulan sepanjang berada di sekolah tersebut.

Semalam merupakan sebutan semula kes untuk mendengar laporan akhlak tertuduh.

Tertuduh terdahulunya mengaku bersalah apabila didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh juga disebat, jika sabit kesalahan.

Dia melakukan perbuatan terbabit pada 18 April 2026, sekitar jam 8 malam di sebuah perhentian bas di kawasan lapang hujung Jalan FAC Matang di sini.

Menurut fakta kes, tertuduh dan mangsa berkenalan pada awal bulan Mac 2026 dan seterusnya menjalinkan hubungan percintaan.

Pada hari kejadian, mangsa dijemput oleh tertuduh dengan menaiki sebuah motosikal dan mereka keluar bersama.

Setelah itu, tertuduh membawa mangsa ke sebuah perhentian bas dan membuka baju serta seluar mangsa secara paksa, selain menarik tangan mangsa secara kasar dan melakukan amang seksual.

Mangsa cuba menolak dan melawan tapi tidak berdaya.

Berikutan itu, laporan polis dibuat dan tertuduh ditangkap pada 19 Mei 2026.

Tertuduh tidak diwakili peguam.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Nurul Aqila Morsalin.